**AKHBAR : BERITA HARIAN**
**MUKA SURAT : 3**
**RUANGAN : NASIONAL**

# Tambahan petugas kesihatan tangani wabak

**Putrajaya:** Tambahan petugas kesihatan boleh dilihat sebagai satu inisiatif kerajaan bagi mewujudkan peluang baharu dalam kategori pekerjaan kritikal, kata Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Beliau berkata, melalui peruntukan dana tambahan RM3.25 bilion dalam Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) bagi menangani wabak COVID-19, Kementerian Kesihatan (KKM) membuat permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah 11,280 petugas kesihatan.

Katanya, ia adalah sebagai usaha bagi menangani pandemik COVID-19 dan mengekalkan mutu perkhidmatan.

"Untuk ini, suka saya mengingatkan bahawa Pakej Bantuan PERMAI meluluskan pengambilan 3,500 petugas kesihatan mulai akhir Januari 2021," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Laporan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) Ke-40 yang disiarkan secara maya, semalam.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan mengambil maklum mengenai kadar pengangguran pada Disember yang berada pada 4.8 peratus, sama seperti November 2020.

Bagaimanapun, beliau menegaskan yang lebih penting adalah usaha kerajaan menjana pertumbuhan ekonomi dan 500,000 peluang pekerjaan pada 2021, walaupun berdepan persekitaran yang amat mencabar.

Dalam usaha membendung penularan jangkitan COVID-19, Tengku Zafrul menyeru semua pihak supaya tidak lagi berkompromi dengan pelanggaran atau ketiadaan prosedur operasi standard (SOP).

Beliau berkata, keupayaan saringan COVID-19 KKM juga sudah dipertingkatkan, yang sehingga 5 Februari lalu, hampir 1.2 juta ujian dijalankan dengan jumlah terkumpul lebih 6.4 juta.

"Belanjawan 2021 juga memperuntukkan RM1 bilion bagi penyediaan dana tambahan yang tertumpu kepada bekalan seperti tambahan reagen dan kit saringan, serta peralatan pakaian pelindung diri (PPE) terutama kepada petugas kesihatan.

"Kita harapkan dengan adanya pertambahan saringan, berikutan arahan kepada majikan untuk melaksanakan ujian saringan kepada pekerja mereka, maka dapatlah kita mengenal pasti mereka yang bergejala dengan lebih pantas dan pengasingan dapat dilakukan dengan segera untuk mengekang penularan wabak," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

*Lebih banyak sektor peruncitan dibuka*

# SOP ketat bukan jaminan penurunan kes COVID-19



**Kebanyakan pengamal perubatan jangka kadar jangkitan meningkat semula**

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Langkah memperluaskan kebenaran lebih banyak sektor peruncitan dan restoran dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) ketat, bukan jaminan penurunan angka jangkitan kes COVID-19.

Pakar virologi dari Universiti Malaya (UM), Prof Dr Sazaly Abu Bakar, berkata sektor ekonomi dibuka dengan segera setiap kali negara hampir berjaya mengawal jangkitan kes.

Katanya, semua pihak seolah-olah tidak sabar menunggu bilangan kes jangkitan untuk sekurang-kurangnya kembali kepada satu angka.

"Kita pernah mencapai kes sifar jangkitan, tetapi belum sampai waktunya, semua sektor terus dibuka semula dan akhirnya angka meningkat.

"Kebanyakan pengamal perubatan menjangkakan kes meningkat semula kerana apa yang paling ditakuti ialah kes individu positif tidak bergejala.

"Dua orang semeja di restoran pun tidak menjamin kita bebas daripada dijangkiti virus ini jika datang dari tempat berbeza," katanya, ketika dihubungi, semalam.

Kerajaan bersetuju melonggarkan semua sektor peruncitan untuk beroperasi semula dengan pematuhan SOP ketat, bermula semalam.

Sazaly berkata, selain pematuhan SOP ketat, premis perniagaan juga perlu menitikberatkan pengaliran udara yang baik untuk memastikan jangkitan dapat dikurangkan.

Katanya, aspek itu antara faktor yang kurang dititikberatkan dalam menangani situasi pandemik ini sektor ekonomi dibuka semula.

"Pengaliran udara sangatlah penting dalam situasi titisan air di udara yang tersebar dan tidak boleh dilihat, maka restoran yang tertutup dan berhawa dingin tidak digalakkan untuk dikunjungi.

"Sebaiknya, restoran perlu terbuka luas dan jika tidak berkeperluan, orang ramai disaran tidak keluar," katanya.

Katanya, pembukaan sektor ekonomi itu adalah atas kehendak rakyat, tetapi kegagalan mematuhi SOP akan menyebabkan semua pihak menanggung akibatnya.

"Kadar kematian akibat COVID-19 di negara kita semakin meningkat, maka adalah penting bagi semua pihak mengambil berat soal pematuhan SOP disarankan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya.

> ***Kita pernah mencapai kes sifar jangkitan, tetapi belum sampai waktunya, semua sektor terus dibuka semula dan akhirnya angka meningkat.***
>
> ***Dr Sazaly Abu Bakar,*** *Pakar virologi dari Universiti Malaya*

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13
RUANGAN : MINDA PEMBACA

# Pastikan program vaksinasi efisien

**Sekiranya** semuanya berjalan seperti dirancang dan kumpulan pertama vaksin COVID-19 tiba tepat pada waktunya, Kementerian Kesihatan (KKM) akan melancarkan suntikan vaksin, akhir bulan ini.

Disebabkan semua rakyat Malaysia, terutama golongan berisiko berharap dengan penuh semangat bahawa program vaksinasi akan bermula, adalah perlu ditekankan di sini betapa pentingnya keseluruhan proses dijalankan secara telus dan efisien.

Dilaporkan kerajaan mengenal pasti 600 tempat vaksinasi di negara ini dengan 75,000 orang akan diimunisasi sehari mulai Mac.

Menurut Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, jumlah ini setara dengan 12,500 orang sejam dalam masa enam jam sehari.

Itu sasaran munasabah dan dapat dicapai, dengan syarat semua sumber dan sistem sokongan tambahan ada serta tersedia.

Betul bahawa pekerja barisan hadapan dan yang lain dalam kategori berisiko tinggi termasuk orang tua, diberi keutamaan pada suku pertama tahun ini.

Penting juga bahawa dalam kumpulan orang tua, perhatian tambahan harus diberikan kepada mereka yang berada di rumah warga emas atau rumah kebajikan.

Mereka yang berada di rumah orang tua ini mempunyai risiko jangkitan lebih tinggi seperti dibuktikan dengan kemunculan beberapa kluster membabitkan rumah jagaan dengan peningkatan kematian.

Bagaimanapun, hanya ada 30,000 daripada mereka di rumah orang tua. Ini jumlah agak kecil dan dapat dengan mudah ditampung pada tahap awal fasa pertama vaksinasi.

Selain mengutamakan kelompok rentan ini, diharapkan kerajaan juga akan meneliti masalah untuk menerapkan sistem keselamatan.

Sistem seperti ini akan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat terhadap keselamatan vaksin. Ia langkah perlu untuk meyakinkan mereka khususnya yang dipengaruhi laporan negatif di media sosial.

Juga penting untuk memastikan ketelusan dalam keberadaan ubat-ubatan yang juga harus dipastikan berdasarkan bukti.

Bagi memastikan manfaat maksimum diperoleh daripada proses imunisasi, mesti ada sistem disediakan bagi memastikan ketelusan dan menghindarkan pembaziran.

Di sinilah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) memainkan peranan penting. Ia mesti bebas untuk membuat keputusan terbaik demi negara dan rakyat.

*Tan Sri Lee Lam Thye*
*Pengerusi, Ikatan Komuniti Selamat*



**AKHBAR : HARIAN METRO**
**MUKA SURAT : 9**
**RUANGAN : COVID-19**

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

JANGKITAN RENTAS NEGERI

# Tiada kluster baharu

**Kuala Lumpur**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan tiada kluster baharu membabitkan rentas negeri setakat kelmarin.

Menteri Kesihatan Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, sebelum ini KKM mengesan 31 kluster rentas negeri bermula 7 Disember tahun lalu sehingga 8 Februari lalu.

"Kita mencatatkan 4,376 kes jangkitan rentas negeri berlaku di lapan negeri iaitu Pahang, Terengganu, Kelantan, Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Sarawak dan Wilayah Persekutuan.

"Penularan ini berlaku membabitkan enam negeri asal iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Sabah," katanya, semalam.



DR Adham

Menurutnya, ketiadaan kluster baharu rentas negeri adalah perkembangan yang sangat baik untuk menggambarkan keberkesanan penguatkuasaan lebih ketat dilaksanakan dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 4 Februari lalu.

"Perkembangan ini juga menunjukkan peningkatan kesedaran dalam kalangan pelbagai pihak dan keberkesanan pematuhan untuk tidak merentas sempadan selain mengamalkan norma baharu yang diulangi dalam nasihat KKM.

"Kita sudah dapat mengurangkan jangkitan baharu dengan melindungi diri dan melindungi orang lain dari jangkitan Covid-19," katanya.

Beliau berkata, KKM menyeru seluruh peringkat masyarakat, tanpa mengira sesiapa pun untuk terus bersama-sama mematuhi PKP dan mengamalkan norma baharu.

"Dengan pematuhan dan amalan norma baharu serta vaksinasi kelak, kita akan sama-sama menuju matlamat untuk menamatkan pandemik maut ini.

"Kita semua akan lebih selamat dan insya-Allah negara akan kembali makmur," katanya.

Kelmarin, negara merekodkan 2,764 kes baharu dengan kes sembuh 3,887 kes.

Angka itu menunjukkan penurunan yang jelas jika dibandingkan dengan 5,728 kes harian tertinggi pada 30 Januari lalu dengan 3,805 kes sembuh.

# PKRC pertama Johor dikawal ketat

**Johor Bahru:** Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) pertama di Johor di Stadium Tertutup Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) yang mula beroperasi hari ini dipasang kawat duri serta dikawal ketat agensi keselamatan termasuk Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU).

Datuk Bandar MBPG Asman Shah Abdul Rahman berkata ia bagi memastikan kawasan PKRC itu yang dijangka beroperasi pada 1 tengah hari ini tidak mudah dimasuki mana-mana pihak yang tidak berkenaan termasuk orang awam.

Beliau berkata, kawasan di sekitar stadium itu yang kebiasaannya menjadi tumpuan ramai untuk beriadah turut ditutup.

"Kami dan jawatankuasa keselamatan sudah ambil langkah tertentu termasuk menutup sekitar kawasan stadium ini kerana kebiasaannya ramai orang bersukan dan joging di sini. Kawasan ini ditutup dengan kawalan ketat, kami tidak benarkan orang tidak berkenaan masuk kawasan ini.

"Ia dikawal FRU selama 24 jam dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela)," katanya selepas menerima bantuan peralatan tambahan untuk kegunaan PKRC berkenaan daripada Lotte Titan Chemical Sdn Bhd di sini, semalam.



DUA petugas mengangkat tilam yang akan digunakan pesakit di PKRC pertama di Johor.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : LOKAL

# 14 kematian dicatat semalam

**Kuala Lumpur:** Sebanyak 3,288 kes baharu Covid-19 dan 14 kes kematian dicatatkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah keseluruhan kes positif Covid-19 di Malaysia meningkat kepada 251,604 kes dengan kebolehjangkitan pula sebanyak 52,186 kes.

Beliau berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut merekodkan bilangan kes sembuh Covid-19 sebanyak 1,929 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih adalah 198,495 kes.

"Daripada jumlah kes baharu itu, terdapat lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara manakala penularan dalam negara pula adalah 3,282 kes.

"Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak 1,757 kes (53.4 peratus). Daripada jumlah ini, sebanyak 1,552 kes (88.3 peratus) adalah daripada kluster dan saringan kontak rapat Covid-19 yang aktif dijalankan di lapangan.

"Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 408 kes (12.4 peratus) dan Johor sebanyak 369 kes (11.2 peratus)," katanya.

> "Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu 1,757 kes"
> Dr Noor Hisham

Menurutnya, sebanyak 63 kes (1.9 peratus) yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di lokap, depot tahanan imigresen dan penjara yang membabitkan Kluster Tembok Sungai Udang (46 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (7 kes), Kluster Tembok Renggam (5 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (2 kes), Kluster Tembok Taiping (1 kes), Kluster Matambai (1 kes) dan Kluster Penjara Kepayan (1 kes).

Dr Noor Hisham berkata, terdapat pertambahan 14 kematian semalam menjadikan jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 923 kes.

"Sehingga kini, terdapat 285 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) di mana 131 kes memerlukan bantuan pernafasan.

KKM turut mengesan 11 kluster baharu iaitu Kluster Industri Wawasan, Kluster Batu 20, Kluster Tapak Bina Persiaran Sepang, Kluster Tapak Bina Jalan Tandok, Kluster Jalan Dua Belas, Kluster Jalan Tiga KKIP, Kluster Uda Utama, Kluster Kancil Waha, Kluster Lorong Sahabat, Kluster Lorong Bersatu Damai dan Kluster Jalan Harun," katanya.

# Pantau 60,052 pesakit Covid-19 di CAC

**Kuala Lumpur:** Seramai 60,052 pesakit Covid-19 dipantau Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di 152 CAC di seluruh negara sejak 25 Januari lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pada masa ini CAC sedang memantau seramai 20,089 pesakit yang menjalani pengasingan di rumah.

"Secara umumnya, CAC bertindak sebagai pusat rujukan bagi mengenal pasti, menilai, memantau, serta menguruskan pesakit yang telah disahkan positif Covid-19.

"Penilaian dan pemantauan kepada kesemua pesakit ini dijalankan oleh pasukan diketuai oleh pakar perubatan kesihatan awam dan pakar perubatan kesihatan keluarga serta dibantu oleh anggota sokongan klinikal yang lain.

"Bagi melancarkan perkhidmatan CAC beroperasi sama ada di stadium, dewan komuniti, balai raya atau mana-mana fasiliti kerajaan bergantung kepada kesesuaian dan keperluan setempat," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pesakit Covid-19 yang tidak bergejala dan bergejala ringan serta memenuhi kriteria ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menjalani pengasingan di rumah selama 10 hari.

"Pengurusan pesakit ini adalah tertakluk di bawah Perintah Pengawasan dan Pemerhatian bagi Kes Jangkitan Penyakit Korona Virus 2019 (Covid-19), Akta Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342). Semua pesakit ini akan dipakaikan gelang pengawasan sepanjang tempoh pengasingan mereka di rumah," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

3,288 penularan baharu dengan 14 kematian direkodkan

# Kes positif lebihi 250,000 kes

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** – Angka kumulatif kes positif Covid-19 di Malaysia kini mencecah 251,604 kes dengan pertambahan sebanyak 3,288 kes semalam, manakala kes aktif kebolehjangkitan pula mencatatkan 52,186 kes.

Selangor kekal merekodkan kes baharu tertinggi sebanyak 1,757 kes diikuti Kuala Lumpur (408 kes) dan Johor (369 kes).

Terdapat 14 kematian dilaporkan di Selangor, Sabah, Johor, Kedah, Kuala Lumpur dan Putrajaya melibatkan 11 lelaki dan tiga wanita berusia antara 36 hingga 94 tahun.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sebanyak 11 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada tujuh kluster berkaitan tempat kerja serta dua kluster masing-masing melibatkan komuniti dan kumpulan berisiko tinggi.

"Kluster Batu 20 dikesan membabitkan 42 kes saringan bersasar sebuah syarikat di Jalan Ipoh, Batu 20, Rawang, manakala Kluster Industri Wawasan dengan 38 kes di sebuah kilang di Jalan Wawasan, Kawasan Perindustrian Sungai Kapar Indah, Klang.

"Kluster Tapak Bina Persiaran Sepang dengan 29 kes di sebuah tapak binaan di Persiaran Sepang, Cyberjaya di Sepang serta Kluster Tapak Bina Jalan Tandok dengan 25 kes di sebuah tapak binaan di Jalan Tandok, Lembah Pantai, Kuala Lumpur," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Jalan Dua Belas di Kepong dan Titiwangsa dengan 19 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah pusat pentadbiran awam berdekatan Jalan 1A/12A, Kampung Batu Muda, Kepong.

Katanya, Kluster Jalan Uda Utama di Johor Bahru, Johor dengan 17 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah pusat pentadbiran awam di Kota Iskandar, Johor Bahru.

"Kluster Jalan Tiga KKIP membabitkan 11 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan sebuah kilang di Jalan Tiga KKIP, Kota Kinabalu Industrial Park (KKIP), Kota Kinabalu," katanya.

Ujar beliau, kluster komuniti pula membabitkan Kluster Lorong Sahabat di Kluang, Johor dengan 17 kes iaitu kes indeks bergejala serta Kluster Jalan Kancil Waha dikesan di Kota Tinggi dengan sembilan kes iaitu kes indeks bergejala.

"Dua lagi kluster kumpulan berisiko tinggi ialah Kluster Lorong Bersatu Damai di Kota Kinabalu, Tuaran dan Penampang, Sabah dengan 21 kes iaitu kes indeks saringan sebelum kemasukan ke wad serta melibatkan sebuah pusat perubatan di Lorong Bersatu, Jalan Damai, Kota Kinabalu.

"Kluster Jalan Harun di Cheras, Kuala Lumpur dengan sembilan kes iaitu kes indeks bergejala dan kluster ini melibatkan sebuah pusat jagaan di Jalan Dato Haji Harun, Taman Taynton View, Cheras," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, seramai 20,089 pesakit positif Covid-19 sedang menjalani pengasingan di rumah serta dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) yang mengendalikan penilaian terhadap mereka.

"Berdasarkan pecahan, bilangan pesakit menjalani pengasingan di rumah yang tertinggi ialah Johor seramai 6,016 pesakit diikuti Selangor (5,258 pesakit) serta Kuala Lumpur dan Putrajaya membabitkan 4,489 pesakit.

"Sehingga kini, sejumlah 60,052 pesakit telah dipantau CAC. Bagi melancarkan perkhidmatan, CAC beroperasi sama ada di stadium, dewan komuniti, balai raya atau mana-mana fasiliti kerajaan bergantung kepada kesesuaian dan keperluan setempat," tambah beliau.



**PEKERJA sebuah syarikat swasta, Muhd. Aliff Firdaus Ibrahim memasang perhiasan tanglung sempena Tahun Baru Cina di Kampung Cina, Kuala Terengganu semalam.** – PUQTRA HAIRRY ROSLI

## COVID-19

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

| | Jumlah |
|---|---|
| Kes baharu | 3,288 |
| Import: | 5 |
| Tempatan: | 3,283 |
| Pulih | (1,929) |
| • Kematian | 14 |
| • Masih dirawat | 52,186 |
| • Jumlah kes sembuh | 198,495 |
| • Jumlah Kematian | 923 |
| Jumlah kes keseluruhan | 251,604 |

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

# RM3.2 juta disalur untuk petugas KKM

MOH FWD MY Heroes terima dana tambahan RM5 juta

Oleh HIDAYAH HAIROM

KUALA LUMPUR

FOTO: SINAR HARIAN / ASRIL ASWANDI SHUKOR




Adnan (tengah) pada sidang akhbar khas mengenai inisiatif dana khas, MOH FWD MY Heroes untuk petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi membantu petugas yang dijangkiti Covid-19 sewaktu bertugas di Wisma Cuepacs, Kuala Lumpur pada Rabu.

Sebanyak 1,015 permohonan dana MOH FWD MY Heroes dengan nilai tuntutan sejumlah RM3.23 juta telah dibayar kepada petugas barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta ahli keluarga yang dijangkiti Covid-19.

Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Adnan Mat berkata, dana khas inisiatif Cuepacs bersama FWD Takaful Berhad itu juga kini telah ditambah sebanyak RM5 juta lagi untuk dimanfaatkan oleh lebih ramai pejuang negara.

Menurutnya, keseluruhan dana kini yang berjumlah RM10 juta itu juga dilanjutkan sehingga 31 Disember tahun ini berikutan berlakunya peningkatan jangkitan dalam kes harian Covid-19 yang boleh meningkatkan risiko kepada petugas barisan hadapan KKM.

"Cuepacs menyambut baik inisiatif FWD Takaful Berhad yang bersetuju menyalurkan tambahan RM5 juta ke dalam dana MOH FWD MY Heroes.

"Dana ini diuruskan oleh Pusat Khidmat Tuntutan CuepacsCare dan sejak dilancarkan pada April tahun lalu sejumlah RM3.23 juta telah dibayar kepada petugas barisan hadapan KKM serta ahli keluarga yang dijangkiti Covid-19 ketika bertugas dengan melibatkan kira-kira 1,015 tuntutan.

"Justeru, kami berharap ketua-ketua jabatan di KKM dapat memaklumkan kepada semua kakitangan mereka mengenai dana MY Heroes selain memudahkan urusan dokumentasi tuntutan memandangkan terdapat sebahagian daripada lebih 4,500 petugas di kementerian terbabit dijangkiti Covid-19 ketika bertugas," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Cuepacs di sini pada Rabu.

Jelas beliau, pada mulanya MY Heroes memperuntukkan sebanyak RM5 juta dan tambahan sebanyak RM5 juta lagi dibuat kerana FWD Takaful dan Cuepacs sebagai inisiatif menyokong barisan hadapan KKM berikutan kes jangkitan harian Covid-19 yang bertambah sejak kebelakangan ini.

"Pembayaran ihsan dana MY Heroes sebanyak RM40,000 akan diberi sekiranya berlaku kematian kepada petugas barisan hadapan disebabkan oleh jangkitan Covid-19, manakala sejumlah RM10,000 akan dibayar sekiranya dimasukkan ke wad ICU, RM2,000 (wad biasa) dan RM10,000 untuk lain-lain punca kematian.

"Proses permohonan dana ini boleh dibuat melalui laman web dan dana akan disalurkan dalam tempoh dua minggu daripada tarikh permohonan yang lengkap," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Persatuan Gabungan Kehormat IPTA Malaysia, Abdul Rahman Mohd Nordin berharap insentif dana tersebut dapat diperluaskan kepada kakitangan hospital-hospital universiti IPTA yang terlibat sebagai barisan hadapan memerangi Covid-19.

## Menteri kena kuarantin tiga hari tertakluk kepada pengawasan

KUALA LUMPUR - Jemaah menteri yang kembali dari mana-mana lawatan rasmi luar negara bukan sahaja menjalani kuarantin selama tiga hari, tetapi mereka juga tertakluk kepada pengawasan sebelum boleh dilepaskan supaya tidak membahayakan orang ramai, kata peguam, Datuk Mohd Haaziq Pillay Abdullah.

Beliau berkata, tempoh kuarantin terhadap menteri berkenaan juga bukan hanya diwajibkan selama tiga hari, sebaliknya tempoh berkenaan bergantung kepada keadaan individu tersebut sebaik pulang dari luar negara.

"Oleh itu, beliau berkata, rakyat perlu sedar dan faham bahawa tidak timbul isu menteri hanya dikuarantin selama tiga hari kerana Warta Kerajaan Persekutuan terbaharu di bawah Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengecualian) 2021 yang disiarkan dalam laman web Jabatan Peguam Negara pada 8 Februari menyatakan bahawa jemaah menteri yang kembali dari mana-mana lawatan rasmi luar negara hendaklah menjalani pemerhatian selama tiga hari atau menjalani pengawasan sehingga boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

"Rakyat harus faham sistem pengecualian hanya boleh diberi kepada mana-mana menteri yang pulang dari luar negara bagi tujuan lawatan rasmi. Lawatan rasmi ini perlu kerana kerajaan yang dibentuk harus mengadakan lawatan seumpama ini untuk mengukuhkan hubungan dua hala sedia ada di samping memperluaskan ekonomi dan mendapat pelaburan dari negara terbabit," katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Mohd Haaziq menjelaskan bahawa menteri yang melakukan lawatan rasmi ke luar negara semestinya tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) yang ketat oleh negara yang dilawati.

"Terdapat perbezaan antara rakyat biasa dengan menteri yang membuat lawatan rasmi. Bagi rakyat biasa, kita mungkin tidak tahu ke mana dan siapa mereka berjumpa. Tetapi, lawatan rasmi oleh mana-mana jemaah menteri, mereka perlu mengikut protokol ditentukan kerajaan negara dilawati. Saya yakin antara protokol disyaratkan negara yang dilawati semestinya ketat," katanya. - *Bernama*

**AKHBAR** : SINAR HARIAN
**MUKA SURAT** : 9
**RUANGAN** : MEMERANGI WABAK COVID-19

# Malaysia catat 3,288 kes baharu

**Melibatkan 1,889 warga tempatan dan 1,394 bukan warganegara manakala lima kes lagi merupakan kes import**

**KUALA LUMPUR**

Negara merekodkan jumlah kumulatif keseluruhan kes sebanyak 251,604 kes, dengan pertambahan 3,288 kes baharu dalam tempoh 24 jam lepas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah menerusi Twitter rasmi beliau pada Rabu berkata, 3,283 kes adalah penularan tempatan melibatkan 1,889 warga tempatan dan 1,394 bukan warganegara manakala lima kes lagi merupakan kes import melibatkan tiga warga tempatan dan dua warga asing.

"Kes aktif dengan kebolehjangkitan kini berjumlah 52,186 kes manakala dalam tempoh sama 14 kes kematian melibatkan warga tempatan dilaporkan hari ini (Rabu), menjadikan jumlah kes kematian Covid-19 di negara ini direkodkan sebanyak 923 kes," katanya.

Beliau berkata, terdapat 1,929 kes sembuh pada Rabu menjadikan jumlah kumulatif kes sembuh daripada Covid-19 di Malaysia adalah 198,495 kes.

Dr Noor Hisham berkata, 285 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 131 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Mengenai kes kematian baharu, Dr Noor Hisham dalam kenyataan berkata, Selangor mencatatkan lima kes, Sabah (4), Johor (2) dan masing-masing satu kes di Kedah, Kuala Lumpur dan Putrajaya, melibatkan mereka yang berumur antara 36 dan 94 tahun.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, 11 kluster baharu dikenal pasti dengan melibatkan tujuh kluster berkaitan tempat kerja dan masing-masing dua kluster melibatkan komuniti dan kumpulan berisiko tinggi.

Kluster tempat kerja di Selangor melibatkan Industri Wawasan, Batu 20 dan Tapak Bina Persiaran Sepang, Tapak Bina Jalan Tandok dan Jalan Dua Belas (Kuala Lumpur), Jalan Tiga KKIP (Sabah), serta Jalan Uda Utama di Johor.

Selain itu, terdapat dua kluster komuniti di Johor iaitu Jalan Kancil Waha dan Lorong Sahabat manakala dua lagi kluster kumpulan berisiko tinggi iaitu Lorong Bersatu Damai (Sabah) serta Jalan Harun di Kuala Lumpur.

"Jumlah kluster aktif kini 466 kluster dengan 82 daripadanya mencatatkan pertambahan kes baharu hari ini (Rabu). Kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pula Kluster Tanjung Suria (356 kes), Kluster Persiaran Perkilangan (319 kes) dan Kluster Jalan Cochrane (104 kes)," katanya.

Beliau berkata, setakat ini, 465 kluster telah tamat termasuk empat yang diisytiharkan tamat pada Rabu iaitu Kluster Jalan Genting, Kluster Harum, Kluster Medan Idaman dan Kluster Wakaf Lanas. - *Bernama*

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI



**SEORANG** petugas sebuah syarikat farmasi di China mengendalikan vaksin yang dihasilkan dalam mengekang penularan pandemik Covid-19.

# Yakin selamat, berkesan

Dari muka 1

Beliau berkata, hanya 16 peratus daripada 212,006 responden tinjauan itu menolak suntikan imunisasi berkenaan.

Pada masa sama, Dr. Adham berkata, sejumlah 35,356 pula atau 17 peratus menyatakan mereka tidak pasti sama ada mahu menerima atau menolak suntikan vaksin dengan 83.2 peratus daripadanya menyatakan alasan risau kesan sampingannya.

Katanya, alasan tertinggi penolakan vaksin oleh sejumlah 33,589 yang tidak bersetuju itu menyatakan mereka risau kesan sampingan selain 84.6 peratus meragui bahan dalam vaksin itu.

Beliau menjelaskan, sebanyak 76 peratus menyatakan mereka diberitahu suntikan vaksin Covid-19 boleh menyebabkan kematian.

Selain itu katanya, mereka turut berpendapat vaksin itu tidak berkesan namun hanya meliputi 62.6 peratus menyatakan sedemikian.

"Terdapat juga sebab yang menyatakan mereka tidak berisiko mendapat jangkitan yang merangkumi 47 peratus dalam kalangan tidak bersetuju itu. Maka mereka fikir tidak perlu mendapatkan vaksin," katanya.

Kerajaan akan memulakan pelaksanaan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan mulai hujung bulan ini dengan sasaran 80 peratus populasi negara ini atau 26.5 juta individu akan menerima vaksin tersebut secara percuma.

Program itu melibatkan tiga fasa iaitu yang pertama membabitkan sejumlah 500,000 petugas barisan hadapan yang terdiri daripada petugas kesihatan dan petugas bukan kesihatan yang merupakan fasa amat penting untuk melindungi petugas barisan hadapan dalam memerangi pandemik Covid-19 dengan pelaksanannya dijadualkan tamat pada April.

Fasa kedua pula melibatkan kumpulan berisiko tinggi dijangkiti Covid-19 iaitu warga emas dan golongan berusia 60 tahun ke atas yang mengalami masalah penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi selain golongan orang kurang upaya (OKU) merangkumi kira-kira 9.4 juta orang.

Bagi fasa ketiga, baki penerima vaksin merupakan golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas, yang akan bermula dari Mei 2021 hingga Februari 2022,atau lebih awal bagi membentuk perlindungan kelompok dan seterusnya mengawal pandemik secara menyeluruh.

Program vaksinasi Covid-19 negara ini bermula 26 Februari melibatkan vaksin keluaran syarikat Pfizer dan BioNTech yang menunjukkan kadar keberkesanaan tinggi iaitu pada tahap 95 peratus.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : DALAM NEGERI




# Sifar kluster rentas negeri bukti PKP

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Selepas merekodkan lebih dua bulan kes positif baharu Covid-19 berkaitan kluster rentas negeri, Malaysia buat pertama kali mencatatkan sifar kes berkenaan kluster tersebut kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, ini menunjukkan keberkesanan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dengan penguatkuasaan lebih ketat larangan rentas negeri dalam memutuskan rantaian jangkitan wabak itu.

Menurut beliau, dalam tempoh 7 Disember tahun lalu hingga kelmarin, sebanyak 31 kluster rentas negeri dikesan dengan mencatatkan 4,376 kes jangkitan kerana pergerakan itu di lapan negeri.

"Semalam (kelmarin), negara merekodkan 2,764 kes baharu (2,758 tempatan, enam import), dengan kesembuhan berjumlah 3,887 kes. Ini adalah satu penurunan yang jelas jika dibandingkan dengan 5,728 kes harian tertinggi pada 30 Januari lalu dengan 3,805 kes sembuh.

> **"Dalam tempoh 7 Disember tahun lalu hingga kelmarin, sebanyak 31 kluster rentas negeri dikesan dengan mencatatkan 4,376 kes jangkitan kerana pergerakan itu di lapan negeri.**
>
> **ADHAM BABA**

"Malah kelmarin juga tiada mencatatkan sebarang kes baharu kluster rentas negeri," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Adham berkata, perkembangan baik itu juga menunjukkan peningkatan kesedaran dalam kalangan pelbagai pihak dan keberkesanan pematuhan untuk tidak merentas sempadan di samping mengamalkan kebiasaan baharu yang diulangi dalam nasihat Kementerian Kesihatan.

Katanya, langkah itu sekali gus membuktikan kemampuan untuk mengurangkan jangkitan baharu dengan melindungi diri dan orang lain daripada jangkitan Covid-19.

"Sehubungan itu Kementerian Kesihatan menyeru seluruh peringkat masyarakat, tanpa mengira sesiapa pun untuk terus bersama-sama mematuhi PKP dan mengamalkan kebiasaan baharu.

"Dengan pematuhan dan amalan kebiasaan baharu serta vaksinasi kelak, kita akan sama-sama menuju kepada matlamat untuk menamatkan pandemik virus maut ini," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI






PUSAT Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Johor di Stadium Tertutup Pasir Gudang yang mampu menempatkan 1,200 pesakit tidak bergejala dan tidak berisiko tinggi bersiap sedia untuk menerima pesakit selepas kemudahan di situ dilengkapkan semalam. -UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

# Jangan wujudkan 2 kasta kuarantin

**ARAU:** Kementerian Kesihatan perlu menimbang semula langkah kuarantin selama tiga hari sahaja kepada menteri yang pulang dari luar negara.

Exco Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Shahrul Nasrun Kamarudin berkata, hal demikian bagi mengelak anggapan kerajaan mengamalkan 'pilih kasih' atau wujud dua kasta berkaitan dengan penguatkuasaan kuarantin.

Soal Shahrul Nasrun, apa alasan sehingga kelonggaran tersebut diberikan sedangkan rakyat biasa perlu menjalani kuarantin selama 10 hari sebagai langkah pencegahan mengelak penularan Covid-19?

Katanya, kerajaan sepatutnya mengambil iktibar daripada episod Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah khususnya berkaitan soal tempoh kuarantin.

"Walaupun keputusan ujian adalah negatif namun tidak bermakna seseorang itu bebas daripada Covid-19. Saya juga faham jadual lawatan menteri ketat dan segala pergerakan serta pertemuan mereka dikawal.

"Namun, kita tidak boleh mengambil mudah perkara ini dan lihat sahaja beberapa menteri yang positif sebelum ini. Mereka juga setiap minggu menjalani ujian swab tetapi tetap positif," katanya di sini semalam.

Media sebelum ini melaporkan pengecualian kepada menteri yang pulang dari luar negara bagi menjalani pemerhatian hanya selama tiga hari atau pengawasan sehingga boleh dilepaskan tanpa membahayakan orang ramai.

Perintah Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pengecualian) 2021 dikeluarkan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkuat kuasa semalam sehingga 1 Ogos depan.

Tambah Shahrul Nasrun, kuarantin selama 10 hari adalah tindakan yang wajar dikuatkuasakan bukannya berubah mengikut taraf kedudukan seseorang.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Larangan kongsi maklumat vaksin Covid-19

**KUALA LUMPUR:** Petugas barisan hadapan dan sukarelawan yang menerima suntikan vaksin Covid-19 lebih awal tidak dibenarkan berkongsi sebarang maklumat kepada umum.

Difahamkan Kementerian Kesihatan melaksanakan larangan itu bertujuan melindungi privasi data petugas barisan hadapan, sukarelawan dan pihak yang menjalankan kajian terhadap keberkesanan vaksin.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber daripada sukarelawan berkata, mereka juga dilarang berkongsi kepada media bagi mengelakkan sebarang percanggahan maklumat.

Kata sumber, dia mendapat suntikan 0.5 mililiter (ml) vaksin jenis SARS-CoV-2 (Vero Cell) Tidak Aktif yang dibangunkan Institut Sains Biologi Akademi Sains Perubatan Cina (IMB-CAMS) di China.

Semakan *Utusan Malaysia* menerusi Status Vaksin Covid-19 di dalam Prosedur Penyenaraian Penggunaan Kecemasan WHO mendapati, vaksin tersebut juga daripada pengilang dan syarikat biofarmaseutikal dinamakan Sinovac Biotech Ltd. di negara itu.

"Insya-Allah sekiranya mendapat 'lampu hijau' daripada kerajaan, saya sedia untuk berkongsi pengalaman," katanya di sini semalam.

Malaysia dijadualkan menerima 12.8 juta dos vaksin jenis Pfizer-BioNTech bermula akhir Februari ini dan telah memperoleh kelulusan bersyarat daripada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan.

Akhbar ini melaporkan, 200 ulama dan profesional memutuskan hukum suntikan vaksin adalah harus demi mencegah jangkitan dan penularan wabak itu atas kepentingan menjaga nyawa dan kesihatan manusia.

Sementara itu, pakar kesihatan yang enggan dinamakan berkata, dia juga menerima larangan yang sama.

Jelasnya, larangan tetap berkuat kuasa selagi Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin belum mendapat suntikan vaksin.

"Tidak dibenarkan langsung. Hanya selepas Perdana Menteri cucuk baru boleh kongsi. Pun begitu, saya antara yang paling awal menerima vaksin fasa pertama," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS/NATION

5 IMPORTED CASES

# 3,288 INFECTIONS, 14 DEATHS

**11 new clusters detected, including 7 workplace clusters in Selangor**

ESTHER LANDAU
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry recorded 3,288 new Covid-19 cases up to noon yesterday, bringing the total number of cases to 251,604.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said five were imported cases. He said the death toll from the virus had risen to 923 with 14 more deaths reported to the Crisis Preparedness and Response Centre.

Five fatalities were reported in Selangor, four in Sabah, two in Johor and one each in Kedah, Kuala Lumpur and Putrajaya, he said.

All the deaths involved Malaysians.

Dr Noor Hisham said 285 cases were being treated in Intensive Care Units, with 131 people requiring breathing assistance.

The number of recoveries stood at 1,929, which brings the total number of recoveries to 198,495.

Dr Noor Hisham said 11 new clusters were detected yesterday.

He said seven involved workplaces, two involved the community and another two were from high-risk groups.

The new clusters involving workplaces were detected in Selangor, he said.

The clusters are known as Wawasan Industrial, Batu 20 and Persiaran Sepang construction site; Jalan Tandok construction site and Jalan Dua Belas in Kuala Lumpur; Jalan Tiga KKIP in Sabah; and Jalan Uda Utama in Johor.

"Two community clusters were detected in Jalan Kancil Waha and Lorong Sahabat, also in Johor.

"The two high-risk group clusters were in Lorong Bersatu Damai in Sabah and Jalan Harun in Kuala Lumpur."

He said the country had registered 931 clusters with 466 active ones.

He said 465 clusters ended yesterday, including the Jalan Genting cluster, the Harum cluster, the Medan Idaman cluster and the Wakaf Lanas cluster.

He said the Tanjung Suria cluster recorded the most cases yesterday at 356, followed by the Persiaran Factory cluster (319) and the Jalan Cochrane cluster (104).



*Security forces manning a roadblock in Jalan Kuching, Kuala Lumpur, yesterday.* PIC BY ASYRAF HAMZAH

# 43 out of 10,321 migrant workers test positive for Covid-19

**KUALA LUMPUR:** A total of 10,321 migrant workers were screened for Covid-19 on Tuesday, and only 43 tested positive for the virus.

Senior Minister (Security Cluster) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the Human Resources Ministry reported that 342,537 migrant workers had been screened for the virus.

"Of this number, 6,457 migrant workers tested positive for the virus, while 336,080 were negative.

"A total of 1,322 clinics were involved in the mass screening exercise," he said yesterday.

In December, Human Resources Minister Datuk Seri M. Saravanan had announced that all employers were required to ensure their foreign workers underwent Covid-19 tests.

This exercise, which started on Jan 1, was to address the spread of Covid-19.

Saravanan had said that the cost of the tests would be borne by employers.

Employers who do not conduct these tests on their foreign workers by Feb 28 will not be able to renew the workers' temporary working permits.

To incentivise employers to do so, he said employers who paid for the screenings of their foreign workers would get tax exemptions.

Meanwhile, Ismail Sabri said the Construction Industry Development Board (CIDB) enforcement personnel conducted checks on 57 construction sites on Tuesday.

All 57 sites were found to be compliant with the standard operating procedures (SOP) of the Movement Control Order.

"CIDB has conducted 15,188 checks on 8,602 construction sites since April 20."

He also said Kampung Teluk Setiawan, Perak, would be placed under the Targeted Enhanced Movement Control Order (TEMCO) from today until Feb 24.

The TEMCO was imposed after 16 out of 43 people who were tested were found positive for Covid-19.

"Imposing the TEMCO will allow the Health Ministry to do targeted testing on 400 residents in the area."

He said the government made the decision after a joint risk assessment conducted by a number of agencies in the MCO task force.

The assessment was done following the Health Ministry's recommendation for a TEMCO to be imposed.

Meanwhile, 589 people were arrested for violating the SOP on Tuesday. Out of that number, 543 were issued compounds and 42 people were remanded and four people were released on bail.

He said offences that topped this list were those related to physical distancing (184), use of face mask (130), interdistrict and interstate travel (64), failure to have equipment to record customers' particulars (56), running businesses beyond designated operating hours or without consent (36), and people leaving their residences without a substantial reason (25).

Fifteen cases were related to the illegal operation of entertainment outlets, followed by overcrowding (11) and breaching quarantine (7), and others (63).

These cases were recorded from 71,836 checks conducted by the police.



*A health worker conducting a Covid-19 test on a foreign worker in Port Klang, Selangor, recently.* FILE PIC

